

Lima taman perumahan diancam banjir

ALOR SETAR: Lima taman perumahan di Kuala Kedah dekat sini diancam banjir sekiranya Sungai Tok Pasai yang menjadi nadi sistem saliran di Kuala Kedah yang menjadi cetek tidak dibersihkan dan didalamkan.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah, Datuk Latt Shariman Abdullah, berkata aliran air sungai itu bertakung kerana dipenuhi sampah sarap, rumput dan lumpur.

“Tindakan segera perlu kerana tanda banjir kelihatan berikutan Taman Desarena 2 dilanda banjir kilat sejak tiga tahun lalu,” katanya kepada pemberita ketika meninjau taman itu yang dilanda banjir kilat semalam.

Latt Shariman, yang juga Pegawai Tugas-tugas Khas Perdana Menteri, membawa bersamanya pam untuk mengepam keluar air yang bertakung di kawasan taman perumahan itu yang mengandungi 125 unit.

Katanya, banjir kilat yang melanda Taman Desarena 2 juga mengancam empat lagi taman perumahan mengandungi lebih 300 buah rumah iaitu Taman Seri Putera 1, 2, dan 3 serta Perumahan Awam Kuala Kedah.